

13 AUG 1999

Ting-Pokok

PENCAPAIAN KEMPEN HIJAUKAN MALAYSIA LEMBAB, KATA TING

IPOH, 13 Ogos (Bernama) -- Kempen menanam pokok seluruh negara yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman menjelang tahun 2005, mencatatkan pencapaian yang menurun tahun ini sejak kempen itu dilancarkan dua tahun lepas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata setakat ini hanya 21.14 peratus atau 158,560 daripada sasaran menanam 750,000 pokok di seluruh negara tahun ini sudah dicapai.

"Hanya dua negeri sahaja iaitu Selangor dan Terengganu yang mencapai 50 peratus daripada sasaran tahunan mereka manakala negeri-negeri lain mencapai antara 20 peratus ke bawah dan dua negeri tidak menghantar sebarang laporan mengenai prestasi mereka sepanjang tahun ini," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menamakan negeri yang tidak menghantar laporan tiga bulan sekali kepada Jabatan Landskap Negara yang dipertanggungjawabkan memantau dan menyelaraskan kempen ini.

Ting berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan akhbar berbahasa Cina secara percuma kepada SRJK (C) Phui Ying Simping Pulau dekat sini sebagai galakan membaca.

Menurut Ting pencapaian kempen tersebut pada tahun lepas sangat memberangsangkan dengan pencapaian 149 peratus atau 1,117,652 pokok telah ditanam yang melebihi sasaran 750,000 pokok setahun.

Pada tahun pertama kempen itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1997, sejumlah 672,672 pokok atau 89.7 peratus daripada sasarannya ditanam dalam tempoh sembilan bulan.

Menurutnya pencapaian yang menurun tahun ini akan menjejaskan matlamat negara untuk mencapai sasaran menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000 dan 20 juta pada tahun 2020.

Ting berkata antara sebab penurunan minat menanam pokok berkemungkinan kurangnya pemantauan dan pengawasan oleh pihak berkuasa tempatan atau kerajaan-kerajaan negeri terlalu sibuk dengan usaha mempergiatkan kegiatan ekonomi di negeri masing-masing berikutan keadaan ekonomi yang semakin pulih.

Bagaimanapun Jabatan Landskap Negara yang dipertanggungjawabkan untuk memantau kempen ini akan menjalankan kajian bagi mencari punca kelembapan itu dan cara mengatasinya, katanya.

Ting berkata kementerian itu juga akan mengkaji kemungkinan menarik balik geran yang diberikan kepada kerajaan negeri untuk tujuan menghijaukan negara jika mereka tidak berminat untuk meneruskan program itu seperti yang dirancang.

-- BERNAMA.

HK LAT